

Perwakilan akan sokong calon

UM 18 JUN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jun — Para perwakilan UMNO yang mengikuti Taklimat Presiden UMNO hari ini akur dengan kehendak Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya menyokong calon yang diketengahkan pada pilihan raya umum akan datang.

Bagi mereka, ketegasan Dr. Mahathir tentang pentingnya menyokong siapa yang dicalonkan merupakan kncci kepada kejayaan parti itu.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, ucapan Dr. Mahathir itu menggambarkan betapa pentingnya ahli UMNO memastikan kemenangan adalah untuk parti.

"Sehubungan itu, ahli UMNO mesti ada kesetiaan kepada parti dan bukan kesetiaan kepada individu yang menjadi calon atau yang tidak menjadi calon," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan taklimat Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-57 di Dewan Mer-

deka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Exco Wanita UMNO, Datin Paduka Mesrah Selamat berkata, kemenangan parti perlu diutamakan pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, Dr. Mahathir mahu ahli UMNO memastikan calon yang mewakili parti menang pada pilihan raya umum.

"Dr. Mahathir banyak menekankan soal menyokong calon pilihan raya umum pada taklimatnya," katanya yang juga ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Kawasan Jeram.

Ketua UMNO Bahagian Senai, Datuk Adam Abdul Hamid berkata, beliau bersetuju dengan strategi UMNO untuk menghadapi pilihan raya umum agar mementingkan kepentingan parti.

Katanya, ahli UMNO perlu bersifat terbuka sekiranya tidak dicalonkan pada pilihan raya umum sebaliknya mereka perlu menyatakan sokongan terhadap pemilihan itu.

"Ingatan Presiden UMNO itu walaupun pun mungkin ada yang pandang remeh tetapi ia adalah punca menentukan kemenangan pada pilihan raya umum kelak," katanya.

Bendahari UMNO Kelantan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, taklimat yang diberikan oleh Dr. Mahathir wajar dijadikan panduan berguna bagi menjadikan UMNO sebagai parti yang kekal mempejuangkan agama, bangsa dan negara.

"Bagi mencapai matlamat itu memerlukan setiap ahli UMNO menghayati amanat yang disampaikan oleh Dr. Mahathir itu sebagai panduan berguna supaya parti sentiasa menjadi kuat untuk berbakti," tegasnya.

Perwakilan UMNO Bahagian Temerloh, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, taklimat yang diberikan oleh Dr. Mahathir mampu menimbulkan semangat baru kepada semua perwakilan bagi sama-sama mahu mengukuhkan parti.

"Pada keseluruhannya saya dapat

pilihan- raya yang diketengahkan

merumuskan bahawa taklimat oleh Dr. Mahathir itu adalah bertepatan usaha untuk meningkatkan erti kepimpinan di kalangan para pemimpin UMNO bahagian," katanya.

Menurut Saifuddin, para perwakilan terutama golongan muda amat beruntung dapat mengikuti taklimat oleh Dr. Mahathir yang juga menyentuh aspek perpaduan itu sebagai pedoman untuk menjadi pemimpin politik yang berkesan.

Ketua Pemuda TJMNO Pulau Pinang, Roslan Saidin berkata, Dr. Mahathir memberi amanat penting kepada ahli-ahli yang dipilih untuk menjadi pemimpin parti.

Katanya, sebagai pemimpin atau calon pilihan raya, mereka perlu memahami tugas tersebut kerana ia melibatkan kepentingan parti dan rakyat jelata.

"Dr. Mahathir serius dalam perkara ini dan mahukan pemimpin yang dilantik agar mengutamakan parti dan rakyat jelata," katanya.

Menurut Roslan, Dr. Mahathir menegaskan bahawa soal pilihan

raya tidak boleh dipandang ringan di kalangan ahli kerana ia melibatkan parti secara keseluruhan.

Seorang pemerhati UMNO pada perhimpunan kali ini, Nor Azam Mohamad berkata, Presiden UMNO menitikberatkan betapa pentingnya menyokong calon yang dipilih oleh parti.

"Ingatan Dr. Mahathir itu menunjukkan betapa pentingnya ahli mengelakkan daripada menyokong individu tertentu sebaliknya memberi sokongan padu kepada calon parti," katanya.

Seorang lagi perwakilan, **Muhammad Ibrahim** berkata, ucapan Dr. Mahathir wajar menjadi renungan ahli-ahli UMNO apabila berdepan pilihan raya umum.

"Malah, mereka yang dilantik menjadi pemimpin juga bukan sekadar mementingkan parti semata-mata malahan rakyat jelata. Mereka kena amanah dan jujur dalam melaksanakan tugas," katanya.

Naib Ketua Wanita Selangor, Nor Hayati Onn berkata, ucapan

Dr. Mahathir kali ini menyingkap keperluan untuk mewujudkan satu parti yang teguh perpaduannya.

Katanya, ucapan itu nyata membuka mata ramai pemimpin dan selaras dengan usaha UMNO untuk menghadapi pilihan raya akan datang.

Justeru ujarnya, para perwakilan yang hadir pada hari ini perlulah mengambil berat pesanan yang diberikan oleh Presiden parti dan mengamalkan segala saranan yang disampaikan itu.

Naib Ketua Wanita Sabah, Armani Mahiruddin berkata, Dr. Mahathir menegaskan agar ahli UMNO di seluruh negara tidak mementingkan diri dan bersatu demi parti.

"Apa jua pandangan yang wujud, yang penting ialah kita setia kepada perjuangan parti demi bangsa dan negara," katanya.